



Gapura Ilmu Merentas Dunia

myLibrary

PERPUSTAKAAN SULTAN ABDUL SAMAD

BILANGAN 14

UPM Library for You 2016 - muka 8

@ Faculty of Biotechnology and
Biomolecular Sciences

Penggunaan
Sistem **KOHA**
di PSAS - muka 9

PSAS memenangi tempat ke-3
Anugerah Penarafan Bintang
Pengurusan Pentadbiran - muka 12

BANK DATA
UPM - muka 4

Perkhidmatan Bank Data UPM

Pembuka Bicara

Salam sejahtera kepada semua pembaca MyLibrary,

Bermula September 2016, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah memulakan perkhidmatan Bank Data UPM dengan membekalkan data mikro dari Jabatan Perangkaan Malaysia. Bank Data UPM ditubuhkan hasil daripada memorandum persefahaman antara Jabatan Perangkaan Malaysia dan Universiti Putra Malaysia pada 24 Mac 2016 yang meliputi bidang kerjasama dalam penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik. Data yang dibekalkan merupakan data mentah hasil kajian oleh Jabatan Perangkaan Malaysia yang terbahagi kepada lima modul data iaitu penyiasatan pendapatan isi rumah, penyiasatan perbelanjaan isi rumah, penyiasatan tenaga buruh, banci penduduk dan perumahan dan pembuatan tahunan.

Selain itu, mulai November 2016, PSAS juga telah menukar Sistem Perpustakaan Bersepadu Virtua kepada Sistem KOHA. Pertukaran ini seiring dengan 'trend' teknologi semasa yang menggunakan perisian terbuka (open source) yang mampu berfungsi sepenuhnya, fleksibel dan kos efektif.

Semoga perkhidmatan dan sistem baharu ini mampu memberi impak yang bermakna kepada seluruh warga UPM.

Salam hormat,
MOHD DASUKI SAHAK
Editor
dasuki@upm.edu.my

Pustakawan Penghubung Fakulti

Pada tahun ini, berlaku beberapa siri pertukaran staf di PSAS. Pertukaran ini juga melibatkan Pustakawan Penghubung Fakulti seperti berikut:



Azana Abd Hadi
Tel: 03-89468625
abazana@upm.edu.my

- Fakulti Sains Komputer dan Teknologi Maklumat
- Fakulti Ekonomi dan Pengurusan
- Sekolah Pengajian Siswazah
- Putra Business School
- Institut Kajian Dasar Pertanian dan Makanan
- Penyelaras Program Literasi Maklumat



Aznizultina Md Nazar
Tel: 03-89468615
aznizultina@upm.edu.my

- Fakulti Sains
- Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul
- Fakulti Sains dan Teknologi Makanan
- Institut Penyelidikan Produk Halal
- Institut Penyelidikan Matematik
- Institut Biosains
- Penyelaras Promosi Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat



Suzila Mohamad Kasim
Tel: 03-89468630
suzila@upm.edu.my

- Fakulti Pertanian
- Fakulti Perhutanan
- Fakulti Pengajian Alam Sekitar
- Institut Perhutanan Tropika dan Produk Hutan
- Institut Pertanian Tropika
- Penyelaras Profil Pengguna



Samsul Farid Samsuddin
Tel: 03-89468609
sfarid@upm.edu.my

- Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi
- Fakulti Pengajian Pendidikan
- Fakulti Ekologi Manusia
- Institut Pengajian Sains Sosial
- Penyelaras Pendidikan Jarak Jauh



Fatimah Abdul Latiff
Tel: 03-86093868
al_fatimah@upm.edu.my

- Fakulti Perubatan Veterinar



Norazira Mohamed
Tel: 03-89472733
norazira@upm.edu.my

- Fakulti Perubatan dan Sains Kesihatan



Akiza Roswati Abdullah
Tel: 03-89471577
akiza@upm.edu.my

- Fakulti Rekabentuk dan Senibina



Azian Edawati Zakaria
Tel: 03-89471575
edawati@upm.edu.my

- Fakulti Kejuruteraan
- Institut Teknologi Maju (ITMA)

Library Seminar on Publication: VISIBILITY OF LOCAL SCHOLARLY PUBLICATION



Welcoming Speech by
Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi Mohd Lila,
Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)

Talk by Prof. Dr. Abrizah Abdullah


Group photo of seminar committee:
Encik Amir Hussain Md Ishak, Chief Librarian, UPM
(center) with Prof. Madya Dr. Zuraidah Abd Manaf,
Head, Malaysia Citation Centre (right), followed by
Prof. Dr. Abrizah Abdullah, PSAS committee,
secretariat and MCC members.

Isi Kandungan

My Library Bilangan 14	
• Library Seminar on Publication: Visibility of Local Scholarly Publication	3
• Perkhidmatan Bank Data UPM	4
• Guide to Getting Published: How to Publish in High Impact Journal	6
• Anugerah "Emerald Literati Awards"	6
• Seminar Writing a Great Paper and Getting it Published in a Research Journal	7
• Library Seminar on Publication : How to Successfully Write & Publish Your Research Article	7
• Program UPM Library for You 2016 @ Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul	8
• Sesi Pengenalan Perpustakaan 2016/2017	9
• Sistem Perpustakaan Bersepadu (KOHA)	9
• Album Pelawat / Latihan Sambil Belajar PSAS	10
• Kalendar Lawatan	11
• PSAS Memenangi Tempat ke-3 Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran	12
• Book Review	12

Sidang Pengarang

Penasihat Pn. Azizah Zainal Abidin	Jurufoto En. Muhammad Adib Ahmad Khalid
Ketua Editor Pn. Siti Razimah Mohd Noor	Pereka Grafik Cik Suzaini Mohamad Kasim
Editor En. Mohd Dasuki Sahak	Pengedaran Pn. Norita Idris Pn. Norlela Mohd Yusof
Penulis Staf PSAS	



MyLibrary merupakan Berita Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), Universiti Putra Malaysia (UPM). Penerbitan ini bertujuan menyampaikan informasi berkaitan perkhidmatan, kemudahan dan aktiviti di PSAS. Hantarkan komen anda bagi meningkatkan mutu penerbitan MyLibrary melalui saluran komunikasi berikut:

Ketua Editor MyLibrary
Bahagian Korporat dan Latihan Staf
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor.
Tel. : 03-894678607 / 7948
Faks : 03-89483745
E-mel : mylibrary@upm.edu.my

UPM, 7 November - Scholarly publishing in Malaysia has been undergoing rapid changes during the last two decades. The globalization of higher education and research institutions, university rankings and the emergence of electronic publishing especially for electronic scholarly journals are amongst the unprecedented changes that most universities and scholars in Malaysia have to face. Most of the scholarly journals in Malaysia are published by higher education institutions, especially by the public universities.


A journal audit carried out by the Malaysian Scholarly Journal Audit Committee in 2009 indicated the existence of over 543 journal titles published in Malaysia recorded in library collections and at various stages of publication (ceased, irregular or current) and 60% of these journals are in the fields of Arts, Humanities and Social Sciences and 40% are in the Science, Technology and Medical fields. It is estimated that a total of over 100,000 articles need to be covered by MyCite (Malaysian Citation Index) platform hosted by Malaysia Citation Centre (MCC), if all Malaysian journal articles are covered for a period of ten years.

Three years ago, UPM formed a corporate strategy group to look into rankings – particularly QS World Rankings – and analyses the areas the university needs to improve on to make it better known at the international level in line with UPM Vision to become a university of international repute. After the corporate strategy group analysis, UPM decided to focus on three areas: teaching and learning, research and

services (professional as well as community). Among the outcome of the analysis is the requirement where master's students have to publish at least one publication and postgraduate, two were imposed. These students were provided with guidance and taught to write papers for journals. This further enhanced the importance of publication not just to academics and researchers but also among UPM students.

As parts of the initiative, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM and Malaysia Citation Centre (MCC), Ministry of Higher Education, Malaysia jointly organized the 'Library Seminar on Publication: Visibility of Local Scholarly Publication'. Four speakers were invited. Prof. Dr. Abrizah Abdullah from University of Malaya, who is also the felo researcher of the Malaysia Citation Centre, sharing her topic on 'Visibility of Local Publication'; followed by Prof. Madya Dr. Zuraidah Abd Manaf, Head, Malaysia Citation Centre, on 'Roles of the Malaysia Citation Centre'; Encik Razaman Ridzuan who is also from Malaysia Citation Centre topic on 'UPM Performance on Scholarly Publication : Comparison With Other Research University' and Encik Amir Hussain Md Ishak, Chief Librarian, UPM, concluded the session with 'Library Roles in Increasing University Citation'. Two hundred (200) participants attended the seminar which comprised of lecturers, researchers and graduate students. The Seminar was officiated by YB Prof. Dato' Dr. Mohd Azmi Mohd Lila, Deputy Vice Chancellor (Research & Innovation)

By Azizah Zainal Abidin



BANK DATA UPM

Oleh Salmah Abdullah

Menurut Dictionary of Merriam-Webster dan Webster's New World College Dictionary, data ialah fakta atau maklumat yang biasanya digunakan untuk mengira, menganalisis atau merancang sesuatu untuk mendapatkan pengetahuan atau membuat keputusan. Data yang baik adalah data yang boleh dipercayai kebenarannya (reliable), tepat waktu dan mencakup ruang lingkup yang luas. Data dan analisis data yang tepat dapat membantu penyelidik menyelesaikan permasalahan penyelidikan seterusnya membuat penemuan baharu.

PERKHIDMATAN BANK DATA UPM

Bank Data UPM ditubuhkan hasil daripada memorandum persefahaman antara Jabatan Perangkaan Malaysia (JPM) dan Universiti Putra Malaysia (UPM) pada 24 Mac 2016 yang meliputi bidang kerjasama dalam penyelidikan dan perkongsian ilmu statistik. Jawatankuasa Pengurusan Universiti (JPU) telah menyerahkan tanggungjawab menguruskan perkhidmatan data mikro tersebut kepada Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS). Bank Data UPM diuruskan oleh Seksyen

Perkhidmatan Penyelidikan, Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat (BPPM), PSAS di Aras 1, Blok A.

JENIS DATA YANG DIBEKALKAN

Data mentah daripada hasil kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia. Data yang dibekalkan adalah dalam format Excel atau SPSS. Warga UPM boleh membuat permohonan kepada lima (5) modul data iaitu:

MODUL	PENYELARAS DATA
Penyiasatan Pendapatan Isi Rumah : <ul style="list-style-type: none"> Tahun 2007, 2009, 2012, 2014 30% daripada bilangan isi rumah dengan 22 pembolehubah 	Rusniah Sayuti Pustakawan Tel: 03-89468655 emel: rusniah@upm.edu.my
Penyiasatan Perbelanjaan Isi Rumah : <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1998-1999, 2004/2005, 2009, 2014 30% daripada bilangan isi rumah dengan bilangan pemboleh ubah mengikut tahun penyiasatan 	Siti Noorhaniza Hamdan Pustakawan Tel: 03-89468444 emel: siti_noorhaniza@upm.edu.m
Penyiasatan Tenaga Buruh : <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1982, 1985, 1988, 1997, 2000, 2003, 2006, 2009, 2012 (selang 3 tahun) 30% daripada jumlah rekod ahli isi rumah yang berada dalam umur bekerja 15 hingga 64 tahun 	Khairil Ridzuan Khahirullah Pustakawan Tel: 03-89468604 emel: khai_ridzuan@upm.edu.my
Banci Penduduk dan Perumahan : <ul style="list-style-type: none"> Tahun 1980, 1991, 2000, 2010 2% daripada keseluruhan data populasi Malaysia 	Siti Noorhaniza Hamdan Pustakawan Tel: 03-89468444 emel: siti_noorhaniza@upm.edu.my
Pembuatan Tahunan : <ul style="list-style-type: none"> Tahun 2000, 2003, 2006, 2009, 2012 (selang 3 tahun) Menggunakan Malaysia Standard Industrial Classification (MSIC) 30% daripada jumlah pertubuhan individu tanpa wajaran 	Zubaidah Iberahim Pustakawan (Cuti Belajar) Tel: - emel: baidah@upm.edu.my

PROSEDUR PERMOHONAN DATA

Staf dan pelajar UPM yang berdaftar dan berminat membuat kajian menggunakan data mentah ini boleh memohon dengan melengkapkan Borang Permohonan Data dan Surat Aku Janji Oleh Pengguna yang boleh dicapai daripada Portal Bank Data UPM di <http://epsas.upm.edu.my/upmdatabank/index.php>. Data akan diserahkan kepada pemohon setelah mendapat kelulusan daripada Pengurus Data/Timbangan Pengurus Data. Setelah data selesai diguna, pemohon perlu membuat perakuan pelupusan data dan memulangkan CD data yang diterima sebelum ini. Pemohon juga perlu menyerahkan salinan laporan hasil kajian dalam bentuk salinan lembut dan salinan keras.

Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut boleh hubungi:

Bank Data UPM
Bahagian Perkhidmatan Penyelidikan dan Maklumat
Perpustakaan Sultan Abdul Samad
Universiti Putra Malaysia
43400 UPM Serdang, Selangor
Tel : 03-8946 8651 / 8444 / 8604 / 8655 / 8648
Faks : 03-8948 3745
E-mel : psas_sp@upm.edu.my


IMPAK

Pelaksanaan perkongsian data yang tepat, relevan dan berintegriti antara Jabatan Perangkaan Malaysia dengan Universiti Putra Malaysia (UPM) memberi impak yang bermakna kepada warga UPM dengan:

- menjimatkan masa dan memudahkan perolehan data sebenar dengan hanya berurusan di perpustakaan
- mendapatkan data secara percuma yang mana sebelum ini merupakan perkhidmatan berbayar di Jabatan Perangkaan Malaysia

- mendedahkan dan menggalakkan penggunaan data sebenar oleh warga UPM

Pendekatan ini dijangka dapat meningkatkan usaha penyelidikan oleh para pensyarah, penyelidik dan pelajar seterusnya menghasilkan penerbitan yang dapat meningkatkan kebolehlihatan (visibility) UPM di peringkat global.



RUJUKAN

- Bank Data UPM. Dicapai daripada <http://epsas.upm.edu.my/upmdatabank/index.php> pada 27 Oktober 2016.
- Boston University Libraries (n.d.a). What is research data? Dicapai daripada <http://www.bu.edu/datamanagement/background/whatisdata/> pada 27 Oktober 2016.
- Merriam-Webster's Learner's Dictionary. Dicapai daripada <http://www.merriam-webster.com/dictionary/data> pada 27 Oktober 2016.
- Portal rasmi Jabatan Perangkaan Malaysia. Dicapai daripada <https://www.statistics.gov.my/dosm/> pada 27 Oktober 2016.
- Webster's New World College Dictionary. Dicapai daripada <http://websters.yourdictionary.com/> pada 27 Oktober 2016.



GUIDE TO GETTING PUBLISHED

BY EMERALD GROUP PUBLISHING

UPM, 18 October - "Guide To Getting Published Workshop" is a collaboration between Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS), UPM and Emerald Group Publishing. It is an annual event and this is the fourth consecutive year that PSAS organized this program since the year 2013. This collaboration give great opportunities for PSAS to venture smart partnership between government and private agency in organizing such workshop. From the previous workshop, there are many demands from UPM Community to participate in this workshop. However, the numbers of

participants are limited to ensure the aim and objectives of the workshop are delivered accordingly. PSAS look at this issue seriously and to cater for this matter, this year two (2) sessions were organized on 11th October and 18th October 2016 to allow more participant to participate in this workshop. Ninety Seven (97) participants attended the workshop. The aim of this workshop is to give tips and guide on how to better published research outcome among UPM Community. The main contents include an overview of the publishing process, co-authorship, journal rankings, how

to submit your journal articles, what makes a good paper from an editor's and reviewer's point of view, peer review, analysis of rejected articles, plagiarism and copyrights. This workshop is also hope to enhance the level of confidence among UPM Community to improve the quality of their manuscripts and thus increase chances of their research papers beings accepted for publication in reputable, international and high-ranking journals.

By Azizah Zainal Abidin



Dr. Luaine Bandounas sedang menyampaikan ceramah

Puan Salmah Abdullah sedang menyampaikan cenderahati kepada Encik Nicholas Pak

Seminar Writing a Great Paper and Getting it Published in a Research Journal

UPM, 13 Jun - Perpustakaan Sultan Abdul Samad dengan kerjasama pihak Elsevier telah menganjurkan "Seminar Writing a Great Paper and Getting it Published in a Research Journal" di Auditorium, Fakulti Pengajian Pendidikan, UPM. Dua orang penceramah daripada Elsevier telah menyampaikan ceramah iaitu Dr. Luaine Bandounas dengan judul "Writing a Great Paper, and Getting it Published in Research Journal" dan Encik Nicholas Pak dengan judul "Getting Your Paper Noticed".

Turut hadir Cik Merrylyn Yeo daripada Elsevier dan pembukaan seminar telah dilaksanakan oleh Encik Muzaffar Shah Kassim, Timbalan Ketua Pustakawan, Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Seminar ini telah dihadiri seramai 301 orang peserta yang terdiri daripada 42 orang pensyarah, 19 orang penyelidik dan 240 orang pelajar.

Oleh Salmah Abdullah

Anugerah "Emerald Literati Awards"

The Emerald Literati Awards are now in their 23rd year and were established to celebrate and reward the outstanding contributions of authors and reviewers to scholarly research. The paper entitled 'Audit committee attributes and firm performance: evidence from Malaysian finance companies' written by Mr. Basiru Salisu Kallamu, Student of Putra Business School, Universiti Putra Malaysia and Dr. Nur Ashikin Mohd Saat, Lecturer from Department of Accounting and Finance, Universiti Putra Malaysia were selected as one of the winners of the "The Emerald Literati Awards" out of over 2,000 authors and reviewers worldwide rewarded for their high quality research and commitment to their academic field.

The award were presented to the winners during the opening ceremony of the "Guide To Getting Published Workshop" by Mr Ben S'ng, Senior Consultant on behalf of Emerald Group Publishing.

The judging criteria include internationality; diversity; support for scholarly research; encouragement of applied research (impact); commitment to high quality scholarship; and a desire to ensure reader, author and customer experience is the best it can be. These awards not only recognise research rigour but also provide authors with the recognition they deserve to help them achieve more throughout the scholarly research journey.



Dr. Nur Ashikin Mohd Saat and Mr. Basiru Salisu Kallamu representative (center) received The Emerald Literati Awards from Mr. Ben S'ng, Emerald representative.

Mr. Ben S'ng with seminar participants.

Welcoming speech by Encik Amir Hussain Md. Ishak, Chief Librarian.



Dr. Greta Heydenrych was delivering her talk

Library Seminar on Publication : How to Successfully Write and Publish Your Research Article

UPM, 30 November - Perpustakaan Sultan Abdul Samad, UPM in collaboration with Wiley organized a seminar on "How to Successfully Write & Publish Your Research Article" at the Faculty of Biotechnology and Biomolecular Sciences, UPM as parts of the activities "UPM Library for Your 2016" held there. Participants were given tips and guide on how to Submit Manuscript; Writing and Review; and Understanding Writing Ethics. Hundred and Seventy (170) participants attended the

seminar which comprised of UPM lecturers, researchers, management and professional staff. Dr. Greta Heydenrych, Editor-in-Chief - Wiley Chemistry Journals (ChemPhysChem, ChemElectroChem and ChemPhotoChem) was invited as the seminar speaker.

By Mohd Dasuki Sahak

UPM LIBRARY FOR YOU 2016

@ Faculty of Biotechnology and Biomolecular Sciences

"If you can't go to the library, let the library come to you!"



UPM, 30 November - Pada tahun ini, Perpustakaan Sultan Abdul Samad (PSAS) telah memilih Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul (FBSB) sebagai lokasi ke-4 untuk Program 'UPM Library for You'. Program ini merupakan program tahunan PSAS yang telah mula diadakan pada tahun 2013. Melalui program ini, pihak PSAS akan turun ke fakulti bagi mempromosikan perkhidmatan baharu yang terdapat di perpustakaan, membantu pelanggan yang mempunyai masalah dalam mengakses maklumat dan mendapatkan maklumbalas pelanggan bagi menambahkan dan meningkatkan mutu perkhidmatan perpustakaan.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya 'Library Seminar on Publication'; 'Online Database Training (Turnitin, Scopus & Science Direct)'; 'Ceramah Motivasi; Perkhidmatan Rujukan; Kaunter Sirkulasi; 'Book Donation'; Pameran; Kuiz; 'Games'; 'Creative Art' dan jualan buku oleh Book2U karangkraf. Para pengunjung telah berpeluang memenangi pelbagai hadiah menarik dan cabutan bertuah yang telah disediakan. Program ini mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan meriah dengan kehadiran hampir 300 orang pengunjung yang terdiri daripada pelajar, pensyarah dan staf UPM.

Oleh Aznizultina Md Nazar



Prof. Madya Dr. Norazizah Shafee, Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah) FBSB hadir sebagai tetamu jemputan dan merasmikan 'Program UPM Library for You'.



Pengunjung berpeluang memilih dan memiliki buku secara percuma



'Creative Art' bersama Encik Shahrl Ahmad



UPM, 8 November - Program Literasi Maklumat: Sesi Pengenalan Perpustakaan (SPP) untuk Pelajar Pra-siswazah Baharu sesi 2016/2017 telah berlangsung dengan jayanya selama 13 hari pada 5 hingga 9 September, 19 hingga 23 September dan 26 hingga 28 September 2016 di Perpustakaan Sultan Abdul Samad. Ia diadakan di lima (5) lokasi iaitu di Bilik Termasa, Auditorium Lukut 1, Auditorium Lukut 2, Bilik Malawati dan Bilik Rujukan Elektronik.

Seramai 1,628 orang pelajar telah menghadiri Sesi Pengenalan Perpustakaan, manakala Kelas Katalog Perpustakaan (WebOPAC) dihadiri oleh 1,683 orang pelajar dengan jumlah kelas yang dilaksanakan sebanyak 166 sesi. Pameran dan lawatan berpandu juga diadakan untuk membolehkan pelajar mengenali perpustakaan dengan lebih dekat dan menyeluruh.

Program ini juga diadakan di semua perpustakaan cawangan iaitu Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan, Perpustakaan Perubatan Veterinar dan Perpustakaan Kejuruteraan dan Seni Bina serta Perpustakaan Kampus Bintulu Sarawak untuk pelajar di fakulti-fakulti tersebut. Seramai 1,195 orang pelajar menghadiri Sesi Pengenalan Perpustakaan dan 1,168 orang pelajar menghadiri Kelas Katalog Perpustakaan (WebOPAC) di keempat-empat perpustakaan cawangan tersebut.

Oleh Salmah Abdullah



Roadshow Sistem KOHA bersama warga Fakulti Ekonomi dan Pengurusan oleh pegawai PSAS iaitu Encik Azzuarizal Ezzraq Shahrudin, Cik Nazibah Kamaruddin, Puan Noor Syafini Binti Zamani, dan Puan Nor Safa'aton Saidin pada 22 November 2016.

Penggunaan Sistem KOHA di PSAS

UPM, 9 November - PSAS telah mengambil inisiatif menukar Sistem Maklumat Bersepadu Perpustakaan dari Sistem Virtua kepada Sistem KOHA mulai bulan November 2016. Pertukaran sistem ini melibatkan PSAS serta Perpustakaan Cawangan di Kampus Serdang. Manakala, Perpustakaan UPM Kampus Bintulu menggunakan sistem pada awal bulan Disember 2016.

Sistem KOHA merupakan sistem perpustakaan bersepadu (ILS) yang menggunakan perisian

sumber terbuka (open source) dan mampu berfungsi sepenuhnya, fleksibel dan kos efektif serta dibangunkan mengikut protokol dan piawai perpustakaan seperti MARC21, UNIMARC, Z39.50, SRU/SW, SIP2, SIP/NCIP.

Bagi memastikan proses pertukaran sistem ini berjaya dilaksanakan, satu Jawatankuasa Pembangunan dan Pelaksanaan Sistem KOHA yang dianggotai oleh staf PSAS dan Pusat Pembangunan Maklumat dan Komunikasi (iDEC) UPM telah ditubuhkan

bagi mengurus dan mengendalikan aspek-aspek teknikal dan operasi sistem. Selain itu, PSAS membuat 'roadshow' ke fakulti-fakulti bagi menyampaikan maklumat mengenai Sistem KOHA dan membantu pengguna memulangkan bahan-bahan yang telah dipinjam melalui Sistem Virtua atau membuat pinjaman semula melalui Sistem KOHA.

Oleh Shaifol Yazam Mat

ALBUM LAWATAN / LATIHAN SAMBIL BELAJAR PSAS

Oleh Norlela Mohd Yusof

LATIHAN INDUSTRI PELAJAR 1 Julai - 31 Disember, PSAS telah menerima tiga orang pelajar bagi menjalani latihan industri iaitu **Cik Amirah Atuff Anuar**, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Perpustakaan dari Universiti Industri Selangor (UNISEL) dan **Cik Fatin Liyana Binti Abdul Latif** dan **Cik Nur Era Ashekin Binti Shahzada**, pelajar Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Seni Lukis dan Seni Reka (Seni Reka Grafik) dari Universiti Teknologi MARA (UiTM).



DELEGASI ROYAL UNIVERSITY OF LAW AND ECONOMICS, CAMBODIA

17 Oktober - Seramai 14 orang pegawai akademik dan pegawai bukan akademik daripada Royal University of Law and Economics, Cambodia telah melawat PSAS dan disambut oleh Encik Amir Hussain Md. Ishak, Ketua Pustakawan dan pegawai-pegawai pengurusan PSAS. Peserta delegasi diberi taklimat mengenai UPM dan Perpustakaan serta dibawa melawat ke beberapa bahagian bagi melihat koleksi dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh PSAS.



LATIHAN SANGKUT PUSTAKAWAN DARI INSTITUT TEKNOLOGI BANDUNG, INDONESIA

18 - 28 Oktober - PSAS telah menerima seorang pustakawan dari Institut Teknologi Bandung bagi menjalani latihan sangkut. Beliau telah didedahkan dengan proses kerja dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh beberapa bahagian di PSAS di samping lawatan ke Perpustakaan Perubatan dan Sains Kesihatan.



LAWATAN PELAJAR SEKOLAH MENENGAH USJ 13 SUBANG JAYA

15 November - Seramai 89 orang pelajar Tingkatan 2 dan 3, Sekolah Menengah USJ 13 Subang Jaya bersama dengan empat orang guru pengiring telah melawat PSAS. Pelajar diberi penerangan mengenai suasana perpustakaan di universiti oleh pegawai PSAS dan dibawa melawat sekitar ke PSAS.



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE AUSTRALIA: UNIVERSITY OF NEWCASTLE, SYDNEY PADA 8 - 12 MEI 2014 OLEH STAF PSAS

En. Muzaffar Shah Kassim, Cik Norhazura Hamzah, Pn. Norhafizah Abdul Latif, Pn. Suzila Mohamad Kasim, En. Mohd Salim Hj Yunus, En. Nasaruddin Hj Idris, En. Mohd Kasim Harun, Pn. Asfalani Awang, Pn. Che Wa Zakaria, dan En. Syed Mohd Razal Syed Othman



LAWATAN SAMBIL BELAJAR KE AUSTRALIA: MACQUARIE UNIVERSITY LIBRARY OLEH STAF PSAS PADA 8 - 12 MEI 2014 OLEH STAF PSAS

En. Muzaffar Shah Kassim, Cik Norhazura Hamzah, Pn. Norhafizah Abdul Latif, Pn. Suzila Mohamad Kasim, En. Mohd Salim Hj Yunus, En. Nasaruddin Hj Idris, En. Mohd Kasim Harun, Pn. Asfalani Awang, Pn. Che Wa Zakaria, dan En. Syed Mohd Razal Syed Othman



PROGRAM UPMTACT (TALENT APPRECIATION AND CULTURE TRANSFORMATION PROGRAMME) KE KOREA: EWHA WOMANS UNIVERSITY, SEOUL PADA 5 SEPTEMBER 2014 OLEH STAF PSAS

Pn. Rosmala Abdul Rahim, Cik Haslina Abu Seman @ Talib, Pn. Noor Syafini Zamani, Pn. Najah Mohd Ali, En. Mohd Ali Abu, En. Yusof Masri, En. Zaharudin A Manap, En. Hashim Mat Sir, Pn. Junaini Mohd Yusof, Pn. Khadijah Othman, Cik Siti Mariam Gimam, dan Pn. Shamila Syed



PROGRAM UPMTACT (TALENT APPRECIATION AND CULTURE TRANSFORMATION PROGRAMME) KE HONG KONG: THE UNIVERSITY OF HONG KONG LIBRARY PADA 28 OKTOBER 2015 OLEH STAF PSAS

Cik Norhazura Hamzah, Pn. Norhafizah Abdul Latif, Pn. Suzila Mohamad Kasim, En. Mohd Salim Hj Yunus, En. Mustaffa Ramli, En. Nasaruddin Hj Idris, En. Mohd Kasim Harun, En. Syed Mohd Razal Syed Othman, En. Syahrul Hilmi Palahuddin, dan Cik Suzaini Mohamad Kasim



KALENDAR LAWATAN

Sepanjang bulan Jun hingga November 2016, PSAS telah menerima sebanyak 20 lawatan dari pelbagai kategori/organisasi dari dalam dan luar negara seperti berikut:



JULAI

- 14/07/16: Sek. Men. Keb. Pasir Putih, Johor
- 18/07/16: Pelajar Praktikal UiTM
(i) Cik Fatin Liyana
(ii) Cik Nur Era Ashekin
- 22/07/16: Sek. Men. Keb. Bukit Gambir, Ledang, Johor
- 28/07/16: Sek. Men. Keb. Padang Piol, Pahang
- 28/07/16: Yunnan Agricultural University, China

OGOS

- 05/08/16: Sek. Men. Keb. Sultan Muhammad Shah, Perak
- 24/08/16: Sek. Men. Keb. Sultan Ismail, Kemaman, Terengganu
- 26/08/16: Delegasi dari University Thailand
- 29/08/16: Staf Perpustakaan Tun Sri Lanang, UKM

SEPTEMBER

- 19/09/16: Lawatan Penilai Luar Semakan Kurikulum (FPSK)
- 28/09/16: Sek. Keb. Putrajaya Presint 11 (3)

OKTOBER

- 13/10/16: Sek. Men. Keb. LKTP Kahang Timur, Johor
- 17/10/16: Lawatan Delegasi Royal University of Law and Economics, Cambodia
- 18-28/10/16: Institut Teknologi Bandung (ITB)
En. Yose Ali Rahman (Pustakawan)

NOVEMBER

- 01/11/16: Delegasi Kerajaan Korea Selatan
- 09/11/16: Pelajar Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, UPM
- 10/11/16: Sek. Keb. Setiawangsa, KL
- 10/11/16: UiTM Raub, Pahang
- 15/11/16: Sek. Men. Keb. USJ 13, Selangor
- 15/11/16: UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam



**PSAS MEMENANGI
TEMPAT KE-3 ANUGERAH
PENARAFAN BINTANG
PENGURUSAN
PENTADBIRAN**

UPM, 28 Oktober 2016 - PSAS telah berjaya mencapai tempat ketiga Anugerah Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran bersempena Majlis Sambutan Hari Kualiti dan Inovasi Perkhidmatan (HKIP) UPM 2016 yang diadakan di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM. Penarafan Bintang Pengurusan Pentadbiran melibatkan semua PTJ di UPM dan berpaksikan kepada tiga komponen utama iaitu komponen pengurusan, komponen perkhidmatan teras dan komponen keupasan pelanggan. Semoga kejayaan ini menjadi sumber inspirasi kepada staf PSAS untuk terus cemerlang.



Book Review



UPM -SAGE Publications Young Writer's Award 2015 Papers

Chief Editor: Salmah A. Editors: Azizah Z. A.; Shaifol Yazam M.; Rusniah S.; Khairil Ridzuan K.; Najah M. A.; Noor Syafini Z.; Mohd Dasuki S.; Sazali I. and Nurhaznita M.

Year of Publication: 2016

Location: <http://www.epsas.upm.edu.my/upmsage/>

Publisher: Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia

Published date: 2016

This e-book is a compilation of papers by post graduate students of Universiti Putra Malaysia who participated in the UPM-SAGE Publications Young Writer's Award 2015 writing competition. Featuring 253 pages of 14 papers which cover academic writing mainly on Social Science field.



UPM Publication Performance Statistics 2010-2014: Citations by Subject

Prepared by Salmah A., Rusniah S., Khairil Ridzuan K., Nurhaznita M., Sazali I., Mazni Farahanim M.

Location: <http://epsas.upm.edu.my/psaspub/>

Publisher: Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia

Published date: 2016

e-ISBN 978-967-344-652-0

This statistical report is the fifth report to be published by the Research Services Section, Research and Information Services Division, Perpustakaan Sultan Abdul Samad, Universiti Putra Malaysia. Data collection for this study was conducted on 1st - 19th February 2016. The data source used is Scopus database published by Elsevier. It covers UPM Publication data published in 2010 to 2014. The keyword used in the search is "Universiti Putra Malaysia" limiting to publications published in 2010-2014. Statistical Report Vol.5 displays the top citations for UPM Publications published in 2010 to 2014 arranged by year and subject. The report is aim to help faculty members, lecturers and researchers in keeping track and to aware of the publication performance of UPM.

ISSN 1675-4806



DISEMBER 2016